

**ARAHAN PENTADBIRAN BIL. 1/2019**  
**GARIS PANDUAN MELETAK KENDERAAN DI KONKOS B, CIAST**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan bagi kakitangan CIAST untuk meletak kenderaan di kawasan parkir Konkos B.

1. Memastikan keselesaan kakitangan CIAST untuk meletak kenderaan di parkir berbumbung.
2. Menentukan penyediaan tempat letak kenderaan yang tersusun dan terancang.


**2. LATAR BELAKANG**

Konkos B mempunyai 45 buah lot parkir untuk kereta dan 30 buah lot parkir untuk motosikal. Sebanyak 35 buah lot parkir kereta telah dikhaskan untuk Ketua Program, Ketua Unit dan ibu mengandung. Manakala 10 buah lot parkir kereta lagi adalah terbuka untuk lain-lain kakitangan CIAST.

**3. PERATURAN**

- 3.1 Bagi semua pegawai yang telah dikhaskan lot parkir, hendaklah meletakkan kenderaan masing-masing di lot yang telah ditetapkan dan tidak dibenarkan untuk meletak kereta mereka di parkir lot terbuka.
- 3.2 Mana-mana lot parkir pegawai dibiarkan kosong tanpa sebab, lot tersebut boleh ditarik balik dan diberi kepada lain-lain pegawai yang lebih memerlukan.
- 3.3 Bagi lain-lain kakitangan adalah tidak dibenarkan untuk meletak kenderaan di parkir yang dikhaskan melainkan telah mendapat keizinan daripada pemilik parkir.
- 3.4 Tidak dibenarkan untuk meletakkan kenderaan di lot-lot parkir terbuka pada waktu malam bermula dari jam 7.00 malam hingga 7.00 pagi. Surat teguran akan dikeluarkan untuk kesalahan kali pertama. Sekiranya kesalahan berterusan dilakukan, tindakan mengunci tayar akan dijalankan.
- 3.5 Sekiranya terdapat mana-mana kakitangan CIAST yang bertugas ke luar kawasan dan ingin meninggalkan kenderaan di parkir Konkos B, hendaklah memaklumkan kepada Unit Kemudahan dengan mengisi borang yang dikhaskan.

Oleh yang demikian, semua pegawai dan kakitangan CIAST hendaklah mematuhi arahan yang telah ditetapkan. Arahani ini adalah berkuatkuasa serta merta.

  
**(DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N.)**  
Pengarah CIAST  
Shah Alam, Selangor

**Tarikh : 7 Januari 2019**